

## **Teks Ulasan Negara Malaysia Dalam Laporan Tip 2008:**

### **MALAYSIA (SENARAI PEMERHATIAN TINGKAT 2)**

Malaysia adalah negara destinasi. Pada tahap yang rendah, Malaysia juga negara sumber dan negara transit bagi wanita dan kanak-kanak yang didagangkan bagi tujuan eksploitasi seks komersil, manakala lelaki, wanita, dan kanak-kanak pula didagangkan bagi tujuan buruh paksa. Malaysia terutamanya adalah negara destinasi bagi lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang berhijrah secara sukarela dari Indonesia, Nepal, Thailand, China, Filipina, Burma, Kemboja, Bangladesh, Pakistan, dan Vietnam untuk mendapatkan pekerjaan. Ada yang dipaksa bekerja di luar kemahuan mereka oleh para majikan di sektor-sektor domestik, pertanian, pembinaan, peladangan, dan perindustrian. Seseengah pekerja hijrah ditindas oleh majikan, ejen pekerjaan, atau pedagang manusia yang membekalkan buruh asing dan mangsa perdagangan seks. Mangsa menghadapi keadaan seperti penderaan fizikal dan seks, ikatan tebus hutang, gaji tidak dibayar, ugutan, kurungan, dan dokumen perjalanan ditahan untuk menyekat kebebasan. Selain itu, ada juga pembantu rumah wanita dari Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Burma, Mongolia, dan China yang dieksploitasi untuk tujuan perdagangan seks setelah ditipu dengan janji-janji pekerjaan apabila mereka lari dari majikan yang zalim. Ejen pekerjaan akan menjual wanita dan gadis muda kepada rumah pelacuran atau pusat hiburan karaoke, ataupun menyerahkan mereka kepada pedagang seks. Seseengah warga Burma yang berdaftar dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai pelarian, iaitu taraf yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, terdedah kepada kemungkinan didagangkan sebagai buruh paksa. Pada tahap yang rendah, ada wanita Malaysia, terutamanya yang berketurunan Cina, didagangkan ke luar negeri untuk tujuan eksploitasi seks komersil. Juga, sejumlah kecil rakyat Malaysia, khususnya wanita

dan gadis muda dari kalangan orang asli dan penduduk luar bandar, didagangkan di dalam negara untuk tujuan buruh dan eksploitasi seks komersil.

Kerajaan Malaysia tidak mematuhi sepenuhnya piawai minimum bagi penghapusan perdagangan manusia. Namun, Malaysia sedang mengambil langkah-langkah yang nyata untuk mencapai matlamat ini. Malaysia diletakkan dalam Senarai Pemerhatian Tingkat 2 kerana kegagalannya untuk mengemukakan bukti peningkatan usaha bagi menangani masalah perdagangan manusia yang agak meluas dan pelbagai dimensi, termasuk masalah buruh paksa, dari tahun lepas. Kerajaan Malaysia telah menggubal undang-undang antiperdagangan manusia yang menyeluruh pada bulan Julai 2007 dan selesai menyusun garis panduan pelaksanaan, melatih para pegawai penguat kuasa dan perkhidmatan sosial utama, dan mengeluarkan perundangan tambahan untuk menguatkuasakan undang-undang dengan sepenuhnya pada lewat Februari 2008. Namun, kerajaan Malaysia tidak mengambil sebarang tindakan terhadap majikan yang mengeksploitasi atau pedagang buruh sepanjang tempoh laporan ini. Kerajaan juga belum melaksanakan secara meluas kaedah menapis mangsa perdagangan daripada kumpulan-kumpulan yang terdedah kepada bahaya. Kerajaan menubuhkan Majlis Kebangsaan Antiperdagangan Manusia antara agensi yang dianggotai masyarakat awam yang telah merangka suatu rancangan tindakan kebangsaan. Pada bulan Mac 2008, Kementerian Wanita, Keluarga, dan Pembangunan Masyarakat telah membuka dua buah pusat perlindungan mangsa perdagangan untuk membantu warga asing yang telah menjadi mangsa perdagangan seks.

Cadangan untuk Malaysia: Laksanakan dan kuatkuasakan sepenuhnya undang-undang antiperdagangan manusia yang meluas. Amalkan prosedur yang proaktif untuk mengenal pasti mangsa perdagangan manusia di kalangan kumpulan yang mudah terdedah seperti pekerja hijrah serta wanita

dan kanak-kanak asing yang ditangkap atas sebab pelacuran. Kenakan hukuman jenayah yang setimpal terhadap mereka yang terlibat dalam perekrutan buruh secara menipu bagi tujuan menjadi buruh paksa atau buruh tebus hutang. Pastikan mangsa perdagangan manusia tidak diugut atau dihukum bagi jenayah yang dilakukan akibat diperdagangkan. Tingkatkan rekod pendakwaan, penyabitkan, dan penghukuman bagi perdagangan seks dan buruh. Kaji semula Memorandum Persefahaman (MP) sedia ada dengan negara-negara sumber untuk memasukkan peruntukan bagi perlindungan mangsa dan mengharamkan perampasan pasport atau dokumen perjalanan, selaras dengan Akta Pasport Malaysia, undang-undang antiperdagangan manusia, dan piawai antarabangsa. Sebarkan maklumat tentang undang-undang 2007 ke seluruh negara dan latih para pegawai penguat kuasa, imigresen, dan pendakwa berkaitan pelaksanaan undang-undang baru tersebut. Laksanakan dan sokong kempen kesedaran antiperdagangan manusia yang ditujukan kepada para majikan dan pelanggan perdagangan seks. Tingkatkan usaha untuk mendakwa dan menyabitkan pegawai-pegawai awam yang mengaut keuntungan, terlibat dalam perdagangan, atau mengeksploitasi bakal mangsa.

## **Pendakwaan**

Kerajaan Malaysia telah menunjukkan peningkatan usaha untuk menyiasat dan mendakwa kes-kes perdagangan manusia dalam tempoh laporan ini. Undang-undang Malaysia mengharamkan semua jenis perdagangan manusia melalui penggubalan undang-undang antiperdagangan manusia Julai 2007 yang agak menyeluruh. Undang-undang ini menetapkan hukuman yang cukup ketat dan setara dengan kesalahan berat yang lain seperti rogol. Kerajaan tidak memberikan statistik yang lengkap berkaitan dakwaan dan sabitan kesalahan. Sebelum penguatkuasaan undang-undang antiperdagangan manusia yang

baru ini, pihak kerajaan menggunakan Ordinan Kecemasan dan Akta Kediaman Terhad bagi penguatkuasaan undang-undang terhadap para pedagang seks yang disyaki. Undang-undang ini telah dikritik kerana dianggap kurang telus dan tiada proses wajar. Pada bulan November 2007, sebuah mahkamah Malaysia telah menghukum seorang rakyat Malaysia berumur 32 tahun yang positif HIV kerana mendapatkan khidmat seorang gadis berumur 14 tahun untuk tujuan seks. Dia dihukum penjara selama 43 tahun, 20 sebatan rotan, dan denda \$15,625.00. Pada bulan Januari 2008, polis telah memberkas sepasang suami isteri di Sabah kerana mendagangkan tujuh orang wanita Filipina bagi tujuan eksploitasi seks komersil. Pasangan itu telah merekrut wanita-wanita tersebut dengan janji pekerjaan sebagai pelayan. Pada bulan Mac 2008, polis melakukan serbuan di Johor Bahru dan berjaya menyelamatkan 17 orang wanita Thai yang telah didagangkan bagi tujuan eksploitasi seks komersil. Serbuan yang kedua oleh polis telah menyelamatkan empat orang wanita Cina dan dua orang wanita Vietnam yang juga didagangkan untuk tujuan eksploitasi seks komersil. Pada bulan Mac 2008, pihak penguat kuasa imigresen Malaysia telah menjalankan serbuan di Seremban yang mengakibatkan penahanan tiga orang yang disyaki pedagang manusia dan menyelamatkan tujuh orang wanita Thai dan tiga orang wanita Laos yang didagangkan untuk eksploitasi seks komersil. Dalam tempoh laporan ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menahan 55 orang yang disyaki pedagang manusia bagi tujuan eksploitasi seks komersil di bawah Ordinan Kecemasan dan Akta Kediaman Terhad. Kerajaan tidak melaporkan pendakwaan terhadap para pedagang manusia yang disyaki dan ditangkap serta dipenjarakan bawah undang-undang pencegahan tersebut.

Walaupun ada tanda yang menunjukkan sebilangan besar buruh hijrah didagangkan ke Malaysia serta laporan media tentang keadaan perdagangan yang dihadapi ramai pekerja ini, pihak kerajaan tidak melaporkan sebarang siasatan jenayah atau dakwaan terhadap majikan atau

perekrut buruh yang menggunakan penipuan dan ikatan tebus hutang untuk memaksa pekerja-pekerja asing terpaksa bekerja di luar kemahuan mereka.

Dalam tempoh laporan ini, beberapa buah NGO dan media telah membuat laporan tentang pekerja asing yang bekerja sebagai buruh paksa di Malaysia. Pada bulan Mac 2008, para pekerja Bangladesh di rangkaian pasar raya milik British di Malaysia dilaporkan terdedah kepada perekrutan secara menipu, buruh tebus hutang, dan pemotongan gaji yang keterlaluan. Pada bulan November 2007, beberapa laporan muncul berkaitan 1,300 buruh warga Vietnam yang telah terperangkap dalam ikatan tebus hutang, penukaran kontrak, perampasan dokumen perjalanan, kurungan, dan ugutan dihantar pulang di sebuah kilang pakaian Hong Kong di Pulau Pinang. Meskipun terdapat banyak laporan tentang kejadian sedemikian, pihak penguat kuasa Malaysia tidak bertindak dan membuat siasatan jenayah atau dakwaan berhubung kesalahan. Bagi kes di Pulau Pinang di atas para pengadu telah meneruskan hal tersebut sebagai pertikaian buruh dan tidak meminta pihak polis membuat penyiasatan jenayah. Suatu Memorandum Persefahaman (MP) pada tahun 2006 antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia yang meliputi pengambilan khidmat wanita-wanita Indonesia sebagai pembantu rumah di Malaysia telah memberikan kuasa kepada majikan di Malaysia untuk merampas dan memegang pasport pembantu rumah sepanjang tempoh pekerjaan mereka. Amalan ini dianggap ramai dikalangan komuniti antiperdagangan manusia antarabangsa sebagai memudahkan kerja paksa di luar kemahuan pembantu-pembantu rumah.

Malaysia, berlandaskan MP negara dengan Indonesia, tidak mendakwa majikan yang merampas pasport atau mengurung para pekerja asing. Sebaliknya, perampasan pasport yang merupakan kesalahan di bawah Akta Pasport adalah kaedah yang lazim digunakan untuk mengawal buruh kontrak.

Gaji pekerja ditahan dalam ikatan gantung sehingga tamat kontrak (eskrow) juga masih menjadi amalan biasa majikan.

Tiada laporan yang berasas tentang penglibatan langsung pihak kerajaan dalam perdagangan manusia, baik di peringkat tempatan ataupun institusi. Namun, terdapat beberapa laporan tentang persubahatan pihak berkuasa imigresen di sempadan darat dengan Thailand dan Indonesia. Belum ada seorang pun pegawai kerajaan yang dikatakan terbabit, diberkas, atau dibicarakan atas tuduhan penglibatan dalam perdagangan manusia.

## **Perlindungan**

Pada keseluruhannya, usaha Malaysia bagi melindungi mangsa perdagangan manusia sepanjang tempoh laporan ini masih tidak memadai. Perlindungan asas bagi mangsa umumnya tidak disediakan kepada kebanyakan wanita asing yang telah didagangkan untuk tujuan eksploitasi seks di Malaysia. Kerajaan Malaysia menyatakan bahawa mereka menggalakkan semua mangsa untuk membantu penyiasatan dan pendakwaan para pedagang manusia tetapi sebenarnya tidak ramai mangsa yang sanggup menjadi saksi. Di bawah undang-undang Malaysia, mangsa perdagangan manusia boleh memfailkan saman sivil terhadap pedagang manusia, namun sebenarnya ini jarang sekali berlaku. Bakal mangsa juga terus didakwa atas kesalahan imigresen dan pelacuran dalam tempoh laporan ini. Kerajaan tidak menyediakan pilihan sah yang lain selain mengusir mangsa balik ke negara-negara yang akan menyeksa dan menghukum mereka. Tiada usaha yang meluas diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengenal pasti mangsa perdagangan manusia di kalangan kumpulan pendatang yang mudah terdedah pada bahaya seperti gadis muda dan wanita yang ditahan kerana terlibat dalam pelacuran atau ribuan pekerja hijrah tanpa dokumen yang diberkas oleh pasukan RELA, iaitu pasukan tambahan tambahan keselamatan

awam yang ditaja oleh kerajaan. Mangsa yang ditahan oleh pihak penguat kuasa imigresen, termasuk kanak-kanak, diproses sebagai pendatang haram dan ditahan di penjara atau di pusat tahanan pendatang haram sebelum dihantar pulang ke negara masing-masing.

Pada bulan Mac 2008, Kementerian Wanita, Keluarga, dan Pembangunan Masyarakat membuka dua buah pusat perlindungan dan menyediakan bantuan kepada 33 mangsa perdagangan seks yang telah diselamatkan pada bulan pertama pengoperasiannya. Mangsa-mangsa diproses menerusi mahkamah majistret dalam tempoh 24 jam atau kurang untuk mengenal pasti mereka sebagai mangsa perdagangan manusia sebelum ditempatkan di pusat perlindungan tersebut. Sebelum adanya pusat-pusat perlindungan kerajaan ini, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melaksanakan proses rujukan mangsa tidak rasmi dan merujuk lebih 200 orang yang disyaki mangsa perdagangan manusia ke pusat-pusat perlindungan NGO dan kedutaan. Pihak berkuasa imigresen tidak menyaring wanita asing yang ditangkap kerana pelacuran untuk mengenal pasti mangsa perdagangan manusia tetapi sebaliknya memproses mereka untuk cepat dihantar pulang. Dalam beberapa kes, terutamanya yang melibatkan deportasi merentasi sempadan darat seperti sempadan Malaysia-Indonesia di Borneo, keadaan ini mendedahkan mangsa perdagangan manusia kepada risiko didagang semula oleh para pedagang yang beroperasi di tempat keluar masuk sempadan.

## **Pencegahan**

Para pegawai kanan Malaysia, termasuk Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, dan Menteri Wanita, Keluarga, dan Pembangunan Sosial, semakin lantang bersuara menentang perdagangan manusia, namun Kerajaan Malaysia tidak membuat sebarang tajaan kempen antiperdagangan manusia

semasa tempoh laporan ini. Pada bulan Januari 2008, Ketua Pengarah Penguatkuasaan di Jabatan Imigresen mengeluarkan amaran awam bahawa majikan boleh didakwa di bawah undang-undang antiperdagangan manusia yang baru bagi kes-kes yang melibatkan penderaan dan eksploitasi buruh asing. Tiada tindakan nyata telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan permintaan bagi perbuatan seks komersil atau meningkatkan kesedaran tentang pelancongan seks kanak-kanak. Para pegawai perlindungan dari Kementerian Wanita menerima latihan khas berkaitan khidmat bantuan kepada mangsa. PDRM pula memulakan latihan dalam mengenal pasti mangsa perdagangan manusia pada tahun ini. Setiap anggota yang bertugas dalam misi menjaga keamanan mendapat latihan tentang perdagangan manusia di Pusat Latihan Pengaman Malaysia di Port Dickson. Tiada sebarang tuduhan penglibatan atau eksploitasi perdagangan manusia yang pernah dibuat terhadap anggota pengawal keamanan Malaysia. Pihak kerajaan masih belum memeterai Protokol Perdagangan Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tahun 2000.